

15/06/2003

Rupa-rupanya tak kebal si lanun ni...

PEPATAH Melayu ada berkata, hendak seribu daya, tak hendak maka seribulah dalihnya! Barangkali ia bertepatan sekali dengan usaha kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna (KPDN&HEP) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) untuk menghapuskan lanun cetak rompak dan VCD lucah.

Khabarnya, sejak mereka membuat operasi habis-habisan, lanun kecut perut sehingga terpaksa tutup kedai. Dalam operasi yang bermula pada 26 Mei lalu, polis berjaya menahan 448 orang serta merampas lebih 2.5 juta keping

VCD cetak rompak dan lucah yang dianggarkan berjumlah RM13 juta.

Teman tak tahulah pula, kalau diam mereka itu, diam-diam ubi saja yang sedar-sedar sudah berisi. Entah-entah mereka sedang memikirkan strategi lain untuk mengaut keuntungan daripada industri hiburan. Kalau sudah berminda lanun, mereka akan memikirkan cara yang lebih licik untuk menghidupkan kembali operasi mereka. Maklumlah, sebelum polis dan penguat

kuasa tunjuk taring, teman nampak lanun seolah-olah macam kebal saja.

Dulu apabila teman tanya orang dalam industri hiburan, terutama bos syarikat rakaman dan persatuan hiburan, mengenai cara terbaik untuk mengatasi kemelut cetak rompak ini, mereka juga seolah-olah mati kutu kerana mereka tidak melihat cara lain lagi kecuali melalui penguatkuasaan dan undang-undang.

Tetapi dalam pada itu, mereka sebenarnya tidak berdiam diri dan menyerah kepada takdir semata-mata. Macam-macam juga mereka buat. Kempen itulah, kempen inilah. Jumpa orang itu, jumpa orang ini. Naik, turun tangga berpeluh ketiak jumpa Pak Menteri dan orang kuatnya semata-mata untuk mencari jalan penyelesaian. Dalam pada itu, ada juga yang menubuhkan persatuan baru semata-mata untuk menangani masalah ini seperti Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia.

Siti Nurhaliza pun pernah menangis kerana terlalu geram dengan perbuatan lanun yang akhirnya memudahkan laluan untuk bertemu dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad. Tetapi dik namanya lanun, air mata Siti pun tidak berjaya mencairkan hati mereka. Lanun terus bermaharajalela dan hidup mewah mengalahkan orang korporat sedangkan penggiat seni semakin tertekan dan syarikat rakaman semakin mengecilkan saiz operasi.

Tetapi orang persatuan hiburan seperti Persatuan Karyawan Malaysia (Karyawan) tidak patah semangat. Namanya pun persatuan yang bertujuan untuk membela nasib artis tanah air dan ditubuhkan bukan sebagai sebuah entiti bisnes. Mana ada peruntukan besar untuk membuat kempen mega? Projek

kecil-kecil bolehlah tetapi kalau hendak banteras hingga ke akar umbi bukanlah tugas mereka sebenarnya.

Jadi, cara murah ialah dengan sentiasa buat bising pada media dan mendidik pengguna agar sentiasa menghargai usaha artis. Adakalanya mereka

seolah-olah sudah give-up kerana suara hati mereka bagaikan anjing menyalak bukit. Itu sebabnya teman agak bersimpati dengan nasib Karyawan apabila mereka turut masuk senarai persatuan yang kononnya macam tak 'ambil pot' mengenai usaha 'perang habis-habisan' kerajaan terhadap si lanun oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Alih-alih apabila isu VCD lucu pramugara dan artis terlampau mula membanjiri pasaran, pihak berkuasa mula buka mata. Apatah lagi apabila bos

segala bos mula 'buka mulut' mengenai kemelut ini. Maknanya, masalah cetak

rompak dan VCD lucu ini boleh diatasi jika kuat penguatkuasaannya.

Bagaimanapun, jangan ambil hati sangat dengan teguran Pak Menteri itu kerana niatnya memang baik. Barangkali Muhyiddin pun sudah 'cemuih' juga dengan kemelut cetak rompak dan VCD lucu ini. Teman juga hendak mengucapkan syabas kepada Muhyiddin kerana mengambil serius masalah ini dan setakat ini ia nampaknya membuahkan hasil.

Teman pun cakap berlapik juga sebab lanun pasti memikirkan cara lain untuk menghidupkan operasi mereka. Bos syarikat rakaman pun janganlah ambil sikap tunggu dan lihat saja. Teman dapat banyak surat dan e-mel meminta agar syarikat rakaman menurunkan harga CD yang original. Ambil seriuslah pandangan mereka kerana kuasa membeli adalah di tangan pengguna.

Ada juga yang merungut apabila harga album kompilasi sama dengan album sedia ada. Bayangkan harga sekeping CD album kompilasi dijual di antara RM30 hingga RM40 sedangkan kos untuk menerbitkan album itu tentunya lebih

rendah berbanding album baru. Kerajaan sudah memulakan laluan untuk membanteras masalah ini. Jadi lakukanlah sesuatu agar lanun tidak akan berkata, "I'll be back....!" seperti yang selalu diungkapkan Arnold Schwazenegger dalam filemnya Terminator. Jumpa lagi!